

19/12/1997

OIC pandu ummah hadapi alaf baru

Roslan Hamid

JIKA pencabulan pelampau Yahudi ke atas Masjid Al-Aqsa pada 1969 dulu, menjadi sebab membawa kepada penyatuan umat Islam seterusnya kewujudan OIC, cabaran alaf dan abad baru, mengukuhkan kembali ikatan yang hampir terlerai itu.

Sidang Kemuncak Kelapan OIC di Teheran pada 9 hingga 11 Disember lalu membuktikan ikatan persaudaraan umat dan negara Islam masih utuh sekalipun ia agak renggang sebelum itu. Persaudaraan sesama Islam ini menepati peribahasa Melayu - Air dicincang tidak akan putus.

Teheran menemukan pemimpin Islam dari segala ceruk rantau dunia. Semua 55 negara anggota OIC menghantar wakil mereka - daripada raja, ketua negara dan kerajaan hingga kepada perwakilan diplomatik masing-masing.

Selain itu, ia turut dihadiri wakil pelbagai agensi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dihadiri sendiri oleh Setiausaha Agungnya, Kofi Annan; Pergerakan Berkecuali (NAM), Liga Arab dan Pertubuhan Perpaduan Afrika (OAU).

Tali persaudaraan dengan negara jiran Arab yang cuba disimpul oleh Teheran melalui sidang ini mengharukan. Sejak sekian lama, negara Arab terutama di Teluk bermasam muka dengan Teheran selepas revolusi Islam negara itu yang menggulingkan Shah Iran pada 1979 dulu.

Salah sebuah negara Arab Teluk yang mempunyai hubungan dingin dengan Iran ialah Arab Saudi. Kemuncak keretakan hubungan itu ialah tragedi berdarah di kota suci Makkah pada tahun 1980-an dulu dan lebih 400 orang terbunuh selepas berlaku pertempuran antara jemaah haji Iran dengan pihak berkuasa Saudi.

Melalui sidang kemuncak negara Islam terakhir abad ini, Teheran dan Riyadh berusaha melupakan kisah pedih itu. Arab Saudi menghantar Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz ke sidang itu manakala Iraq yang sejak revolusi Islam dianggap musuh Iran, mengutus Naib Presidennya, Taha Yasin Ramadan.

Kehadiran ramai pemimpin Arab ke sidang ini memadamkan segala keresahan mengenai kemampuan Iran, sebuah negara dianggap pengganas oleh Amerika Syarikat untuk menganjurkannya secara aman.

Buat pertama kalinya, dunia Islam berasa lega dan bersyukur kerana akhirnya bangsa Arab dan Parsi (Iran) yang mempunyai sejarah permusuhan panjang, dapat duduk "sedewan" bagi memikirkan nasib dan harapan 1.2 bilion umat Islam bagi menghadapi abad ke-21 seterusnya alaf baru.

Sidang kelapan OIC ini (sidang kemuncak sebelum ini diadakan di Maghribi (tiga kali), Pakistan, Arab Saudi, Kuwait dan Senegal) begitu bererti kepada umat dan negara Islam. Melalui sidang ini diisytiharkan satu kenyataan khas yang memuatkan wawasan pemimpin Islam mengenai harapan dan masa depan ummah pada abad ke-21.

"Wawasan Sidang Kemuncak Teheran" itu yang diluluskan tanpa bantahan, menggariskan visi negara anggota mengenai pertubuhan itu dan fungsinya kepada sejagat. Kenyataan khas ini mengetengahkan moto Sidang Kemuncak Teheran - "kedaulatan, dialog dan penyertaan" dan menekankan lagi ajaran suci Islam sebagai panduan dan sumber inspirasi OIC.

Pemimpin Islam yang menyertai sidang ini mengesahkan komitmen mereka untuk mewujudkan masa depan yang stabil dan makmur bagi negara mereka dan menyatakan perlu ditingkatkan keyakinan dan saling percaya mempercayai sesama negara anggota.

Selain itu, ia juga menyatakan perlu ditingkatkan kerjasama lebih erat

negara dan umat Islam dalam pelbagai bidang termasuk pemuliharaan alam sekitar dan membanteras keganasan.

Dalam Deklarasi Terakhir Sidang Kemuncak Teheran menggariskan harapan dan pandangan "raja, ketua negara dan kerajaan atau wakil mereka" mengenai masa depan umat Islam.

Perpaduan dan keselamatan dunia Islam, kebangkitan tamadun Islam serta pembabitan lebih aktif OIC dalam forum antarabangsa menjadi matlamat utama badan yang menghimpunkan 1.2 bilion umat Islam itu.

Deklarasi Teheran turut menyentuh kerjasama lebih erat umat Islam ke arah penubuhan pasaran bersama Islam. Isu pasaran bersama Islam ini dibangkitkan oleh banyak pihak yang melihat umat dan negara Islam terus diperkotak-katikkan dalam arena perdagangan antarabangsa.

Bagaimanapun, ada pihak menasihatkan pihak terbabit supaya bersabar dalam membentuk pasaran bersama Islam. Malaysia, misalnya, melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang hadir pada sidang itu, berkata adalah wajar untuk negara Islam meningkatkan kerjasama dan hubungan dagang sesama sendiri sebelum mengorak langkah ke arah penubuhan pasaran bersama itu.

Seperti sebelum ini, Deklarasi Teheran turut menyentuh keganasan rejim Israel. Kali ini ia berkaitan tindakan rejim pimpinan Perdana Menteri, Benjamin Netanyahu yang berterusan merampas tanah orang Arab dan mencemarkan kesucian Al-Aqsa.

Pemimpin Islam juga memandang berat tindakan rejim Yahudi meneruskan pencerobohan di Bukit Golan, Syria dan selatan Lebanon. Mereka yang menyanjungi usaha penduduk ketiga-tiga kawasan ini meneruskan usaha mengekang pencerobohan askar Israel, mendesak pembebasan semua tanah Arab yang diduduki dan pemulihan hak rakyat Palestin.

Sidang kemuncak OIC mengutuk dasar perluasan Israel seperti penubuhan dan perluasan penempatan Yahudi di wilayah Palestin yang diduduki dan juga pindaan akta bagi mengubah status demografik dan geografikal bandar raya Al-Quds (Al-Aqsa).

Deklarasi itu mendesak Israel memberhentikan keganasan yang dilakukannya tanpa mengambil kira dasar moral dan perundangan serta mahukan rantau Timur Tengah bebas daripada semua senjata nuklear dan senjata pemusnah besar-besaran.

Selain itu, pemimpin Islam melahirkan dukacita dengan tindakan Turki (salah sebuah anggota OIC) menjalin kerjasama ketenteraan dengan rejim Tel Aviv.

Pemimpin Islam juga menyatakan komitmen dan prihatin kepada perkembangan di Bosnia-Herzegovina, Afghanistan, Jammu/Kashmir dan mengutuk pencerobohan Armenia terhadap wilayah Azerbaijan di Nagorno-Karabakh.

Melalui sidang ini, pemimpin Islam juga mulai sedar bahawa ada unsur luar yang mahu melenyapkan perpaduan sesama ummah dan negara Islam. Bagaimanapun, usaha pihak berkenaan termasuk melaga-laga dan memercikkan api permusuhan sesama negara Islam kurang berhasil.

Umat dan negara Islam mulai sedar bahawa perpaduan saja yang dapat menyelamatkan ummah bagi menghadapi alaf baru. Jika Kesatuan Eropah (EU) dapat menggabungkan negara Eropah yang mempunyai ciri-ciri berbeza, tiada sebab mengapa OIC gagal melakukan perkara yang sama ke atas negara Islam.

Selain perpaduan, pemimpin Islam menyedari sebahagian besar umat Islam berada dalam dunia kegelapan - tanpa ilmu pengetahuan. Sehubungan itu, usaha perlu digiatkan dalam bidang ini, terutama dalam bidang teknologi maklumat yang sedang berkembang pesat.

Di Teheran, pemimpin Islam sudah menyatakan harapan mereka untuk melihat ummah hidup aman damai dan maju, dan persoalannya bagaimanakah nasib umat tiga tahun dari sekarang apabila pemimpin mereka bertemu lagi di Qatar. Apakah nasib ummah masih di takuk lama atau mereka benar-benar sudah

bersedia menghadapi cabaran alaf baru?  
(END)